

09/08/2002

Gas: Malaysia, Indonesia buka lembaran baru

Mior Kamarul Shahid

MALAYSIA dan Indonesia menerusi Petronas dan Pertamina, membuka lembaran baru menerusi penghantaran gas asli cecair (LNG) melalui saluran paip dari Natuna Barat di Republik itu ke Kompleks Duyong, Semenanjung Malaysia.

Majlis pelancaran yang disifatkan sebagai ikatan kerjasama perniagaan strategik oleh dua syarikat berkenaan dilakukan bersama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri di perkarangan Istana Tampaksiring, dekat Bali, semalam.

Gas berkenaan dihantar dari kemudahan yang dinamakan Hang Tuah di Natuna Barat di Indonesia ke Kompleks Duyong menerusi saluran paip 18 inci sejauh 96 kilometer melalui dasar laut.

Pada peringkat awal, 100 juta kaki padu gas akan dihantar setiap hari dan dijangka meningkat kepada 250 juta kaki padu menjelang 2007.

Sehingga akhir 20 tahun, tempoh kontrak berkenaan, lebih 1.5 trilion kaki padu gas akan dijual ke Malaysia.

Mengikut perjanjian yang dimeterai pada Mac 2001 antara Pertamina dan Petronas, syarikat Indonesia dan kontraktor pengeluarannya, Conoco Indonesia Inc Ltd (CIIL) akan mula menyalurkan gas mulai bulan ini ke Malaysia.

Pada majlis pelancaran itu, satu persidangan video dari Hang Tuah dan Kompleks Duyong dengan perkarangan Istana Tampaksiring diadakan dengan Dr Mahathir dan Megawati berbual dengan petugas di dua pelantar itu.

Bagi Indonesia, penyaluran gas asli ke Malaysia memberi hasil kira-kira AS\$2.9 bilion.

Penyaluran saluran paip antara Natuna Barat ke Malaysia itu menunjukkan peningkatan infrastruktur gas antara sempadan di kalangan negara Asean yang akan menghasilkan rangkaian saluran paip gas rentas Asean.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, dalam ucapannya berkata penyaluran gas yang bermula semalam membuktikan Petronas dan Pertamina mengiktiraf bahawa pada masa lalu mereka tidak memberi perhatian kepada potensi pasaran tenaga Asean.

"Mereka sedar bahawa masanya sudah tiba untuk memikirkan kemungkinan perniagaan yang boleh memberi faedah kepada kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata, rancangan Pertamina memajukan kawasan gas di Natuna Barat dan peningkatan penggunaan gas di Malaysia memberi peluang kepada dua syarikat minyak itu mewujudkan hubungan perniagaan yang menguntungkan.